

# Pemeriksaan perubatan: Cuepacs, hantar surat kepada PM

BH 10 JAN 2002

KUALA LUMPUR, Rabu - Cuepacs sudah menghantar surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Disember lalu untuk menjelaskan berhubung cadangannya supaya semua kakitangan awam menjalani pemeriksaan kesihatan apabila mencapai usia 40 tahun.

Prestidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata cadangan Cuepacs itu bukan perkara baru kerana kemudahan berkenaan sudah lama dinikmati kakitangan kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional seperti terkandung dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 20 Tahun 1969 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 Tahun 1976.

Sehubungan itu, katanya, cadangan yang dikemukakan Cuepacs sebenarnya bermaksud supaya kerajaan memajukan kemudahan menjalani pemeriksaan kesihatan pada usia 40 tahun kepada kakitangan awam dalam Kumpulan Sokongan.

"Dengan itu, semua kakitangan awam dapat menikmati kemudahan yang disediakan kerajaan secara sama rata dan adil, di samping membolehkan penyakit dikesan dan diubati lebih awal.

"Langkah ini sejajar dengan hasrat untuk membentuk kakitangan awam yang benar-benar sihat dan produktif," katanya. Sebelum ini, Siva mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan cadangan itu kerana 40 peratus daripada rakyat negara ini menghadapi masalah kesihatan apabila mencapai 40 tahun.

Katanya, kebanyakan kakitangan awam enggan menjalani pemeriksaan kesihatan kerana khuatir laporan perubatan itu akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat.

Dengan menjalani pemeriksaan kesihatan,

mereka yang mempunyai penyakit serius boleh mendapat rawatan dan apabila pulih mereka mampu menjalankan tugas dengan lebih cekap.

Ketika ini, kakitangan awam hanya diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai sektor awam.

Berikutan itu, Perdana Menteri mahu Cuepacs mengemukakan secara terperinci saranan itu dan memberi penjelasan apakah kakitangan awam yang didapati tidak sihat, perlu diberhentikan.

Siva berkata, cadangan Cuepacs itu tidak membabitkan sebarang implikasi kewangan kerana semua kakitangan awam dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di hospital di bandar berhampiran tempat mereka bertugas, kecuali kes serius yang perlu dirujuk kepada pakar tertentu.

Jika ada pun, katanya, implikasinya mungkin kecil, 'sebabnya membabitkan' kakitangan awam yang bertugas di pedalaman dan tempat yang jauh dari bandar.

Beliau berkata, Cuepacs juga bersedia menyahut saranan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng supaya kesatuan itu bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan program berkenaan.

Katanya, Cuepacs akan memanjangkan cadangannya dan bersedia berbincang dengan Kementerian Kesihatan berhubung perkara itu.

"Cuepacs akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menggalakkan kakitangan kerajaan menyertai programnya, termasuk Program Hidup Sihat.

Sementara itu, Setiausaha Agung Cuepacs, Abd Rahman Manan, berkata cadangan berkenaan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Pekerja Am Dalam Kumpulan Sokongan pada 6 Julai tahun lalu.

Malah, katanya, kertas cadangan itu sudah dihantar untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbendaharaan dan Kementerian Kesihatan sebelum mesyuarat itu berlangsung.

"Bagaimanapun, hingga kini Cuepacs belum menerima sebarang jawapan berhubung cadangan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu jika diterima akan memanfaatkan kira-kira 600,000 kakitangan awam dalam Kumpulan Sokongan.

Katanya, cadangan itu sebenarnya bertujuan menggalakkan semua kakitangan awam menjalani pemeriksaan kesihatan secara sepenuhnya apabila mencapai usia 40 tahun.